

# Kurikulum dibentuk mengikut kehendak masa

ALOR STAR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata peredaran zaman telah menyebabkan ilmu yang pada satu ketika dulu dianggap penting, kini menjadi kurang mustahak bahkan tidak lagi dituntut.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, kerajaan terpaksa melakukan perubahan dengan membentuk kurikulum baru bagi menyesuaikan kehendak semasa dan sekaligus membolehkan negara dapat mencapai kemajuan.

Katanya, setiap kali perubahan kurikulum dilakukan, sudah pasti ia turut menambah beban guru kerana mereka bukan sahaja terpaksa menyesuaikan diri tetapi menguasai ilmu baru itu.

Beliau berkata, perubahan terpaksa dilakukan setiap kali ia diperlukan dan kini tekanan diberikan terhadap kemahiran hidup supaya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan peralatan moden.

"Kalau kita tidak dapat menyesuaikan diri dan menggunakan alatan moden dengan cekap, maka kita akan ketinggalan. Oleh kerana kita tidak mahu menjadi masyarakat yang ketinggalan, kita terpaksa melakukan perubahan itu," katanya.

Berucap melancarkan Hari Guru peringkat kebangsaan di sini malam ini, Perdana Menteri yakin guru dapat menerima hakikat bahawa mereka perlu memikul tanggungjawab untuk menyampai-

kan ilmu yang penting dengan tepat.

Beliau berkata, dalam melaksanakan tanggungjawab itu, sudah pasti guru akan menghadapi masalah tetapi mereka seharusnya dapat memisahkan antara masalah peribadi dengan masalah negara.

Katanya, kerajaan tidak mempunyai niat selain cuba mewujudkan kesempurnaan walaupun kadangkala, keputusan yang dibuat itu tidak memuaskan hati semua pihak.

"Kita perlu sedar mengenai pentingnya kita mengimbangi masalah peribadi dengan masalah negara. Kita tidak harus menyetepikan masalah peribadi tetapi kita perlu beri tumpuan kepada masalah negara.

"Kalau kita dapat atasi masalah negara, bermakna sedikit sebanyak masalah peribadi akan dapat atasi," katanya.

Perdana Menteri berkata, guru juga tidak harus membenarkan masalah peribadi mempengaruhi diri sehingga lupa tugas dan tanggungjawab mereka terhadap bangsa, negara dan agama.

Turut hadir di majlis itu, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Mohd Noordin Hassan dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Matnor Daim.